

KANAK-KANAK
perempuan parah
didera pengasuh yang
dikenali di Facebook.

H/metro
8/5/15
mls 10-

KES 1

PARAH DIDERA PENGASUH FB

PARAH DIDERA PENGASUH FB

Oleh Mohd Jamilul Anbia
Md Denin, Fardy Bungga
dan Nabihah Kamal
am@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Seorang kanak-kanak perempuan berusia dua tahun cedera di muka selepas dipercayai didera pengasuh dikenali ibunya melalui laman sosial Facebook.

Mangsa didakwa lebam di muka dan belakang telinganya dipercayai dicubit pengasuh berusia 34 tahun di rumah suspek di Jalan Klang Lama di sini.

Ibu mangsa yang hanya mahu dikenali sebagai Chan, 29, berkata, dia mengenali pengasuh itu sejak lebih dua bulan lalu.

Menurutnya, dia kemudian mengambil keputusan menghantar dua anaknya masing-masing berusia setahun dan dua tahun untuk dijaga

“**Saya terkejut apabila doktor memberitahu kesan lebam itu dipercayai akibat dicubit dan bukannya kerana terjatuh”**

Chan

wanita itu.

Katanya, dia yang juga seorang ibu tunggal hanya bertemu anaknya pada hujung minggu kerana terpaksa bekerja sebagai jurujual.

“Kali pertama saya menyedari kecederaan kecil di pipi anak saya adalah pada 18 April lalu. Bagaimanapun pengasuh itu mendakwa ia adalah kesan gigitan serangga.

“Kejadian sama berulang pada 4 Mei lalu apabila luka sama turut dilihat pada anak

perempuan saya berusia dua tahun,” katanya.

Menurutnya, pengasuh itu memberitahu kononnya anaknya cedera di muka akibat terjatuh.


“Dia kemudian membawa anaknya itu ke sebuah klinik di Jalan Kuchai Lama di sini, untuk mendapatkan rawatan.

“Saya terkejut apabila doktor memberitahu kesan lebam itu dipercayai akibat dicubit dan bukannya kerana terjatuh,” katanya.

Menurutnya, dia kemudian membuat laporan polis di Balai Polis Cheras di sini, sebelum membawa perkara itu kepada Biro Pengaduan MCA untuk tindakan selanjutnya.

Sehubungan itu Ketua Biro Pengaduan Awam MCA Datuk Seri Michael Chong memberitahu akan bekerjasama dengan pihak polis untuk membantu mangsa.

NUR Ameena luka
di muka dan tangan,
akibat digigit dan
dicakar pengasuhnya.



KES 2

SATU MUKA CALAR BALAR

SATU MUKA CALAR BALAR

Ampang: Seorang guru wanita kecewa apabila mendapati bayi perempuannya yang ditinggalkan bersama pengasuh di sebuah taska cedera di bahagian muka dan mulut akibat digigit.

Bayi malang itu, Nur Ameena Nabila Ahmad, 6 bulan, mengalami luka pada hampir keseluruhan wajahnya, selain pergelangan tangan kanan dan telinga selepas dihantar untuk jagaan pengasuh di se-

buah taska di Pandan Indah, kelmarin.

Bapa bayi itu, Ahmad Mat Seman, 44, berkata, dia bergegas ke taska itu selepas dimaklumkan pengasuh yang menghubungi isterinya, Izurni Ibrahim, 38, pada jam 1.45 petang, meminta mengambil bayi mereka itu.

"Sebaik tiba, saya terkejut melihat keadaan anak yang penuh luka kerana mereka mendakwa kecederaan itu akibat kesan gigitan dan calar.

"Saya kemudian meminta penjelasan daripada wanita itu dan dia hanya memberitahu anak saya

digigit dan dicakar kanak-kanak lain ketika sedang membanchu susu," katanya ketika dihubungi Harian Metro.


Ahmad mendakwa, terdapat kesan darah kering pada telinga dan selimut bayinya itu.

Katanya, pemilik taska terbabit tidak memohon maaf malah mencabar mereka untuk membuat laporan polis.

"Pada minggu lalu, kami mendapati bayi kami mempunyai kesan lebam di bahagian kepala dan pihak taska mendakwa bahawa ia kesan tertidur di atas botol susu," katanya.



NUR Ameena bersama ibu bapanya ketika dirawat di hospital.



PUNGGUNG dan
pinggang bayi dipenuhi
lebam dipukul
pembantu rumah.

KES 3

SEKSA CIRIT BERDARAH

SEKSA CIRIT BERDARAH

Oleh Mohd Jamilul Anbia
Md Denin, Fardy Bungga
dan Nabihah Kamal
am@hmetro.com.my

Serdang

Seorang bayi perempuan berusia enam bulan bukan hanya menderita akibat dipukul pembantu rumah malah turut mengalami cirit-birit berdarah.

Mangsa disyaki didera pembantu rumah warga Filipina berusia 20-an ketika ketiadaan ibu bapa mangsa di rumah mereka di Serdang di sini, malam kelmarin.

Bapa mangsa yang hanya mahu dikenali sebagai Teng, 34, berkata, kejadian berlaku ketika dia dan isteri tiada di rumah kerana menyertai program kebajikan.

Menurutnya, dia meninggalkan dua anak perempuannya berusia enam bulan dan tiga tahun untuk dijaga pembantu rumah terbabit sekitar jam 5 petang,

“Kami pulang ke rumah sekitar jam 11 malam sebelum isteri segera menukar lampin pakai buang pada bayi kami.

“Bagaimanapun, kami terkejut apabila menemui kesan lebam seolah-olah dipukul dan dicubit pada bahagian belakang tubuh bayi kami itu,” katanya.

Malah dia tambah terkejut apabila terdapat kesan lebam hijau pada punggung dan pinggang bayinya itu.

“Saya dan isteri tambah terkejut apabila mendapati bayi perempuan kami itu mengalami cirit-birit bercampur darah.

“Saya dan isteri menjadi panik sebelum segera membawa bayi kami itu ke Hospital Serdang di sini, untuk mendapatkan rawatan kecemasan,” katanya.

Dia berkata, keadaan bayi mereka itu tambah membimbangkan apabila suhu tubuh anaknya itu naik mendadak mencecah 39.2

darjah Celsius.

“Doktor yang melakukan pemeriksaan memberitahu kesan lebam pada badan anak saya itu berkemungkinan besar akibat kesan di-dera.

“Malah anak saya mungkin diberikan makan ‘benda asing’ menyebabkan dia mengalami keracunan makanan. Saya syak pembantu rumah kami melakukan sesuatu tidak wajar pada bayi kami,” katanya.

Dia berkata, pemeriksaan pada kamera litar tertutup (CCTV) di dalam rumahnya itu bagaimanapun gagal merakam perbuatan dera berkenaan berikutan ia dilakukan di dalam bilik.

“Kami yang kecewa dengan kejadian itu segera membuat laporan polis di Balai Polis Serdang di sini. Pembantu rumah itu baru sebulan diambil bekerja melalui khidmat membekal pembantu rumah sah,” katanya.

TERJERUT KAIN BUAIAN

Oleh Mohamad Fahd Rahmat

Fahd@hmetro.com.my

Johor Bahru

Seorang bayi berusia 10 bulan ditemui mati terjerut kain buaian di rumah keluarganya di Taman Century Garden, di sini, kira-kira jam 4.30 petang, kelmarin.

Timbalan Ketua Polis Daerah Johor Bahru Selatan Superintendan Abdul Wahib Musa berkata, mangsa dikenali sebagai Brian Lim, anak bongsu daripada tiga beradik.

“Bapa mangsa yang se-

dang bekerja di Singapura sebagai penyelenggara bangunan, menerima panggilan daripada isterinya memberitahu anak lelaki mereka meninggal dunia akibat terjerut kain buaian.

“Polis dimaklumkan wanita berkenaan mendakwa memberi makan ketiga-tiga anaknya itu kira-kira jam 12 tengah hari sebelum meminta mereka tidur dan menyambung kerja di dapur.

“Selepas selesai kerja, isterinya masuk ke dalam bilik dan mendapati kepala

mangsa tergantung keluar, manakala badan anaknya berada dalam sarung buaian,” katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Menurutnya, ibu bayi berkenaan mengangkat anaknya dan mendapati bayi itu sudah tidak bergerak lalu mengejarkannya ke klinik berhampiran.

Katanya, pihak klinik mendapatkan bantuan ambulans untuk menghantar bayi itu ke hospital tetapi mangsa disahkan sudah meninggal dunia tidak lama kemudian.

HILANG NYAWA DALAM TIDUR

Oleh Nazdy Harun
am@hmetro.com.my
Permaisuri

Seorang kanak-kanak berusia setahun disedari meninggal dunia oleh bapanya sebaik terjaga dari tidur, pagi kelmarin.

Ketua Polis Daerah Setiu Deputy Superintendan Ab Rahman Raja Mohamed berkata, kejadian disedari bapa mangsa Mad Daud Abdul Rahman, 50, ki-

ra-kira jam 5.10 pagi ketika pagadu bangun dari tidur.

Katanya, bapa mangsa mendapati anaknya Muhammad Fadhlin berada dalam kain selimut ketika tidur di ruang tamu rumah dan selepas dibuka selimut itu mendapati anaknya tidak bernyawa.

"Mayat kanak-kanak terbabit dibawa ke Hospital Setiu untuk bedah siasat.

"Menurut bapa mangsa, anaknya itu sebelum ini ada menghidap penyakit

asma dan mangsa yang juga anak bongsu daripada 12 beradik pernah mendapat rawatan di klinik berdekatan," katanya.

Beliau berkata, bapa mangsa yang bekerja sebagai pekebun tinggal di Kampung Bintang, dekat sini, membuat laporan berhubung kejadian itu pada jam 7.38 pagi di Balai Polis Permaisuri dan kes berkenaan diklasifikasikan sebagai mati mengejut.

